

## KHUTBAH JUMAAT

### “BANTERAS JUDI, KEHIDUPAN DIBERKATI”

(8 November 2024M/ 6 Jamadilawal 1446H)

---

الْحَمْدُ لِلّٰهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا،  
وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللّٰهُ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ، وَمَنْ يُضْلِلُهُ فَلَا هَادِي  
لَهُ. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا  
مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat.

Khatib mengingatkan para jemaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang boleh menghilangkan pahala Jumaat seperti berbual-bual dan menggunakan telefon. Pada hari ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk: “**Banteras Judi, Kehidupan Diberkati**”.

## **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Islam mengajar umatnya untuk mencari rezeki yang halal dan menjauhi sumber pendapatan yang haram. Di antara sumber pendapatan yang haram termasuklah hasil daripada aktiviti perjudian. Judi ialah permainan yang mengandungi pertaruhan daripada pihak bertanding di mana ia mengakibatkan kemenangan pada sebelah pihak manakala pihak yang lain mengalami kerugian.

Aktiviti perjudian pada masa kini sangat banyak serta diadakan dengan pelbagai kaedah. Sama ada yang berbentuk konvensional seperti sabung ayam, tikam nombor ekor, atau dalam talian (online). Teknologi telah mengubah cara seseorang berjudi. Menurut satu kajian, aktiviti perjudian semakin beralih ke perkhidmatan dalam talian.

Perjudian dalam talian merangkumi pelbagai aktiviti seperti pertaruhan sukan, permainan kasino seperti blackjack, permainan kad dan judi rolet yang kebanyakannya boleh diakses dalam talian. Individu boleh berjudi dengan mudah kerana mereka hanya perlu memiliki alat elektronik dan Internet. Malah, seseorang itu tidak perlu berulang-alik ke kedai loteri dan beratur di hadapan kedai untuk menunggu gilirannya membeli tiket loteri. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat ribuan laman sesawang perjudian haram asing yang mencari pelanggan dari seluruh dunia termasuk Malaysia.

Menurut laporan akhbar pada tahun lepas, sebanyak 1,996 serbuan oleh pihak polis telah dijalankan dalam Ops Dadu pada tahun 2022 berbanding 2,152 serbuan pada 2021. Jumlah individu yang

ditangkap berkait kegiatan perjudian pula adalah seramai 2,621 orang pada 2022 berbanding 3,183 orang pada 2021. Manakala nilai rampasan aktiviti perjudian pada tahun 2022 adalah sebanyak RM578,973 berbanding RM794,126 pada tahun 2021.

Sesungguhnya, Allah *subhanahu wata'ala* telah mengingatkan kita berkaitan keburukan judi. Antaranya, firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Maidah, ayat 91:

إِنَّمَا يُرِيدُ الشَّيْطَانُ أَنْ يُوقَعَ بَيْنَكُمْ الْعَدَاةَ وَالْبَغْضَاءَ فِي الْحُمْرِ وَالْمَيْسِرِ  
وَيَصُدُّكُمْ عَنِ ذِكْرِ اللَّهِ وَعَنِ الصَّلَاةِ فَهَلْ أَنْتُمْ مُّنْتَهُونَ (٩١)

**Maksudnya:** Sesungguhnya, syaitan itu hanyalah bermaksud mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu dengan sebab arak dan judi, dan mahu memalingkan kamu daripada mengingati Allah dan daripada mengerjakan sembahyang. Oleh itu, mahukah kamu berhenti (daripada melakukan perkara-perkara yang keji dan kotor itu atau kamu masih berdegil)?

### Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Imam Fakhruddin al-Razi *rahimahullah* dalam kitab tafsirnya 'Mafatih al-Ghaib' menjelaskan hikmah pengharaman judi bahawa perbuatan maysir (judi) dan qimar (pertaruhan) adalah dosa besar yang membawa kepada kepada permusuhan, mengutuk-ngutuk dan pertelingkahan. Ia juga ditafsirkan sebagai mengambil harta orang lain secara batil atau tidak sah. Di samping itu, ia juga adalah perbuatan yang melalaikan daripada mengingati Allah *subhanahu wata'ala* dan mengerjakan solat.

Jelaslah bahawa perbuatan judi hanya merugikan kehidupan manusia, menjadi punca kehilangan harta benda, membawa pertelingkahan sesama manusia, memporak perandakan rumah tangga, meruntuhkan moral dan akhlak, merosakkan institusi masyarakat dan menjadi asbab kepada pengabaian terhadap perintah Allah *subhanahu wata'ala*. Bayangkan, apabila kerosakan seperti ini semakin berleluasa, apa yang bakal berlaku kepada sesebuah negara?

Walaupun sesetengah mereka yang terlibat dengan aktiviti perjudian memperoleh keuntungan hasil daripada pertaruhan, namun sedarlah bahawa sumber pendapatan daripadanya adalah haram dan tiada keberkatan. Malah, makanan yang disuapkan ke dalam tubuh menggunakan hasil perjudian pasti akan dibakar di neraka kelak. Dari pada Ka'ab bin 'Ujrah *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda :

((... إِنَّهُ لَا يَرْبُو لَحْمٌ نَبَتَ مِنْ سُخْتٍ إِلَّا كَانَتْ النَّارُ أَوْلَى بِهِ))

**Maksudnya:** ... Sesungguhnya tidaklah daging (anggota badan) yang tumbuh berkembang dari sesuatu yang haram kecuali semua itu lebih berhak dibakar dalam api neraka.

(*Hadis riwayat Imam at-Tirmizi*)

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Walaupun keburukan daripada aktiviti perjudian sangat banyak, namun, penawaran perkhidmatan judi terus berleluasa. Dewasa ini, aktiviti perjudian diperkenalkan dalam pelbagai bentuk dan jenama

seperti mesin slot, loteri, tikam, kasino atas talian, pertaruhan sukan secara atas talian dan sebagainya.

Justeru, penguatkuasaan undang-undang mestilah diperkasakan agar aktiviti tidak bermoral ini dapat dibanteras secara habis-habisan. Amat membimbangkan sekiranya umat Islam juga terlibat dalam kegiatan tersebut. Jauhilah sikap yang suka mereka cipta pertaruhan-pertaruhan dalam apa jua perkara kerana ia adalah perbuatan yang dilarang oleh agama.

Sebagai masyarakat muslim, kita mestilah turut sama memainkan peranan dalam memastikan kawasan kediaman dan komuniti kita bebas daripada aktiviti perjudian. Jadilah mata-mata pihak berkuasa dengan melaporkan segera sekiranya terdapat aktiviti perjudian dilakukan oleh individu atau kumpulan tertentu di kawasan tempat tinggal kita.

Pada kesempatan ini, khatib ingin menegaskan bahawa belum terlewat untuk mereka yang terlibat atau pernah terlibat dengan aktiviti perjudian untuk segera kembali ke pangkal jalan. Usah memperjudikan nasib hidup dengan perkara yang dimurkai Allah *subhanahu wata'ala*. Carilah sumber pendapatan yang halal. Biarpun tidak lumayan, asalkan hidup kita dilimpahi keberkatan dan direndai Allah *subhanahu wata'ala*. Mulakan langkah dengan niat yang bersungguh untuk berhenti berjudi lalu dekatkan diri dengan Allah *subhanahu wata'ala* melalui ibadah seperti solat, zikir, mendalamai ilmu dan bersedekah. Mohonlah kepada-Nya agar dikurniakan

kekuatan untuk menjauhi aktiviti terlarang. Ambillah pengajaran bahawa berjudi lebih banyak memudaratkan kehidupan.

Ingatlah, berjudi bukan hanya mendorong seseorang untuk dibebani dengan masalah kewangan dan keberhutangan yang serius, bahkan mampu meruntuhkan kebahagiaan sesebuah institusi kekeluargaan akibat daripada pengabaian nafkah keluarga dan tanggungjawab terhadap anak-anak.

### **Kaum muslimin yang berbahagia,**

Mengambil pengajaran dan penghayatan daripada khutbah ini, iaitu:

**Pertama:** Judi ialah permainan yang mengandungi pertaruhan daripada pihak bertanding di mana ia mengakibatkan kemenangan pada sebelah pihak manakala pihak yang lain mengalami kerugian.

**Kedua:** Sebagai muslim, kita mestilah turut sama memainkan peranan dalam memastikan kawasan kediaman dan komuniti kita bebas daripada aktiviti perjudian.

**Ketiga:** Jadilah mata-mata pihak berkuasa dengan melaporkan segera sekiranya terdapat aktiviti perjudian dilakukan oleh individu atau kumpulan tertentu di kawasan tempat tinggal kita.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Maidah,, ayat 90:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ . بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ .  
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْحُمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَمُ رِجْسٌ مِنْ  
عَمَلِ الشَّيْطَنِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ (٩٠)

**Maksudnya:** Wahai orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan Syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ .

## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

---

الْحَمْدُ لِلّٰهِ. الْحَمْدُ لِلّٰهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمْرَ. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِيهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Pada kesempatan ini, khatib ingin mewar-warkan kepada bakal-bakal haji bahawa Lembaga Tabung Haji Sarawak akan mengadakan Kursus Asas Haji bagi Musim Haji 1446H/2025M bermula daripada 26 Oktober yang lalu hingga 18 Januari 2025 sebanyak 13 siri di 10 buah masjid terpilih di Sarawak. Maklumat lanjut berkaitan kursus berkenaan boleh diperolehi di laman sesawang TH, aplikasi THIJARI dan Pejabat TH berdekatan.

Marilah kita bersama-sama terus mengimarahkan masjid dengan melaksanakan solat fardu secara berjemaah dan berusaha memperbaiki keikhlasan dalam setiap amalan kita. Sesungguhnya keikhlasan adalah intipati kepada semua ibadah yang kita laksanakan. Selain itu, pastikan makanan yang diambil adalah yang diyakini halal lagi baik agar kehidupan kita diberkati dan dimakbulkan segala doa kita.

Pada hari yang mulia ini juga, marilah kita memperbanyak berselawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam*

sebagaimana perintah Allah subhanahu wata'ala dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى :

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَئُلَّا إِلَهَآ مِنْهُ آمَنُوا صَلَوَاتُهُ عَلَيْهِ  
وَسَلَامُهُ تَسْلِيمًا  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أُلَّا سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ  
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلَّا سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى أُلَّا سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلَّا  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَعِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَيُّ بَكْرٍ وَعُمَرَ  
وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angkatkanlah daripada mereka bala bencana, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibu bapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami daripada melakukan rasuah dan perlanggaran kepada peraturan dan undang-undang serta penyalahgunaan dadah. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah Asya'irah Maturidiyyah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit.

رَبَّنَا أَتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينٌ،  
أَمِينٌ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ . إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ . وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ . يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ . فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ  
يَدْكُرُكُمْ . وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ . وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ . وَلَذِكْرُ  
اللَّهِ أَكْبَرُ . وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ . أَقِيمُوا الصَّلَاةَ .